

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

Pada kali ini saya pilihkan ayat yang ke 113 “Surah Hud” menjadi hantaran bulan ini kerana sesuai dan tepat maksudnya mengupas keadaan masyarakat Islam sebagaimana yang berlaku sekarang ini di Malaya. Ayat ini menuntut orang-orang Islam mempertahankan haknya dan jangan sekali-kali terpengaruh kepada orang-orang asing.

-----*-----*-----

HABAI-HABAI JANGAN TERPEDAYA!

(oleh Abdullah Basmeh)

Ayat suci yang saya sebutkan diatas ialah,
firman-Nya : “*Wala taraktu ila al-lazina zolamu fatamsakum an-nar wa malakum duniLlahi min auliya summa latansorun.*”

(Jangan kamu cenderung – menyerahkan nasib atau meletakkan kepercayaan – kepada orang-orang yang aniaya, akibatnya kamu akan disentuh api neraka. Tidak ada siapa yang menolong kamu selain dari Allah, kemudian tidak dapat ditolong dari seksaannya.)

Al-Alamah Tantawi Jauhari telah menghuraikan ayat yang mulia ini ujarnya:

“Wahai orang-orang Islam jangan kamu cenderung kepada orang-orang yang bukan Islam lalu kamu meniru tingkah laku dan budi pekerti mereka, akibatnya kamu akan tercepuh api neraka sebagaimana yang telah berlaku sekarang di dalam negara Islam, kebanyakan penduduknya telah hilang kebudayaan dan rosak akhlak disebabkan kecenderungan mereka kepada orang-orang asing Barat itu, inilah sebabnya maka Tuhan telah menurunkan balanya dan menjadikan kebanyakan negara-negara Islam terjajah dan tercepuh api dunia dengan merasa Sepahit-pahit penderitaan, kepapaan dan kerosakkan budi pekerti. Kesemuanya ini ialah pendahuluan daripada azab neraka!.

“Saya telah berkali-kali menyatakan di dalam kitab tafsir ini bahawa orang-orang asing telah memperdaya orang-orang Islam yang lalai, dan telah menghina dan memecah belahkan perpaduan mereka sehingga hancur berkecai-kecai! Ini

tidak lain ialah kerana orang-orang Islam telah cenderung kepada orang-orang asing dan telah meletakkan kepercayaan kepada mereka dengan sepenuhnya.

“Saya telah jelaskan berkali-kali bahawa orang-orang asing tidaklah ubahnya ibarat “dajal”! Mereka bijak sangat melahirkan syurga keduniaan dan menyembunyikan neraka penindasan. Bukan sedikit raja-raja dan pembesar negara-negara Islam yang telah terpedaya kepada wang ringgit dan harta benda yang didapati daripada orang-orang asing, dan kepada pangkat gelaran dan bintang kebesaran yang pada hakikatnya semata-mata dusta dan palsu.

“Dengan tipu daya yang demikian halusnyanya orang-orang asing telah menjerumuskan orang-orang Islam ke dalam api perhambaan yang jelas nyata!

“Ayat ini juga telah menerangkan bahawa tidak ada penolong bagi orang-orang Islam selain dari Allah yang menjauhkan segala bencana penjajah-penjajah yang telah menyedut sum-sum sekalian penduduk dan hasil bumi yang telah dijajanya itu.

Juga telah menjelaskan bahawa orang-orang Islam yang telah melanggar larangan Allah, lalu mereka berserah dan redha diperkotak-katikan oleh orang-orang yang bukan Islam, maka pada hari akhirat kelak mereka akan merasa azab yang pedih dan tidak ada sesiapa pada waktu itu yang boleh menyelamatkan mereka daripadanya.”

-----*-----*-----

Apa yang telah dibayangkan oleh ayat yang mulia ini sebenarnya telah pun berlaku ke atas orang-orang Islam sekarang ini. Bahkan penyakit ini telah lama iaitu berbalik kepada Lingkaran orang-orang Tatar Kapush pemerintahan Islam

di Baghdad, dan lingkaran Barat kepada kedudukan Islam di tanah Sepanyol.

Memandang kepada bala bencana yang telah menimpa orang-orang Islam di Spain itu boleh dijadikan sebesar-besar iktibar kepada kita yang di sebelah sini, kena pada tempatnya kalau saya menurunkan riwayatnya yang menyedihkan itu.

Masuknya Islam ke semenanjung Spain dalam tahun Hijrah 92 (711 M) ialah melalui pahlawan Islam yang terbilang “Tariq bin Ziyad”. Tentera Islam telah mara ke dalam benua Eropah sehingga dapat menduduki sebahagian daripada tanah Pernacis. Orang-orang Islam telah berkekalan memerintah di Spain delapan kurun lamanya dan bekas-bekas tamadun mereka yang tinggi dan indah cemerlang itu masih boleh didapati disana sehingga hari ini. Kenang sahaja istana-istana “al-Hambra”, “al-Zahra”, Taman “Jannatul Ariff” dan banyak lagi yang berterabur di bandar-bandar Cordova (Cordova), Granada (Granada), Seville (Seville), Toledo (Toledo), dan lain-lainnya lagi,

Terdirinya kebesaran Islam di sana tidaklah lain daripada sikap orang-orang Islam pada waktu itu bersungguh-sungguh mempertahankan agama, akhlak dan adat resam mereka yang terpuji itu, tetapi manakala mereka telah terpancung dari dasar yang telah digaris oleh Islam dan terpengaruh serta meniru segala tingkah laku orang-orang yang bukan Islam maka akibatnya mereka telah diperkuasa oleh orang-orang Barat dan dipunahranahkan dari negeri itu pada tahun 1492.

Punca peristiwa yang buruk ini adalah berbalik kepada kita sikap amir-amir Islam yang diketuai oleh “Ibn Abbad” telah mengikut suatu perjanjian dengan orang-orang Barat yang mengandungi :

- (1) Kebebasan beragama
- (2) Kebebasan berniaga
- (3) Kebebasan pelajaran

Setelah perjanjian itu ditandatangani oleh kedua belah pihak maka sesuatu perayaan yang besar telah diadakan sepuluh hari lamanya. Hanya seseorang amir sahaja iaitu “Ibn Mus’ab” yang telah enggan menurunkan tandatangan dan

menyatakan dukacitanya terhadap sikap rakan-rakannya yang telah terpedaya itu, ujarnya :

“Aduhai malangnya wahai anak-anak Arab dan pembesar-pembesar Islam. Bagaimana tuan-tuan boleh membenarkan kebebasan berniaga dan pelajaran di dalam negeri tuan-tuan. Tidakkah tuan-tuan sedar bahawa orang-orang Barat akan mengajar sejarah kebesaran mereka dan merendahkan kebesaran datuk nenek tuan-tuan? Tidakkah tuan-tuan sedar bahawa semenjak hari ini arak akan dijual di negeri tuan disebabkan kebebasan perniagaan tersebut? Dan dengan itu akan banyak orang-orang yang fasik, yang berakibat akan rosaklah akhlak penduduk yang rosaklah ketenteraman negara, dan orang-orang Arab akan dahulu keluar dari benua Eropah?”

Ia telah dicafak-cafakkan dan telah dituduh “masih dangkal dalam selok belok percaturan siasah.

Tetapi apa yang sudah berlaku kemudian daripada itu? Hanya beberapa puluh tahun kemudian, maka tatkala zaman “Ibn Mus’ab” ini kesemuanya tepat belakla. Arak telah mengalir di sana dengan hebatnya, akhlak mereka telah rosak, kebudayaan mereka telah hancur – dihancurkan oleh didikan salah yang telah didapati daripada orang-orang Barat. Sehingga menjadi diagung-agungkan mereka bukan kitab suci Al-Quran atau Al-Hadis Al-Sharif tetapi ialah segala peradaban Barat termasuk sebuah kitab Arab karangan orang Parsi yang bernama “Al-Agni” yang penuh dengan syair-syair perkasihannya, pujuk cumbu di antara asyik masyuk dan kelazatan arak. Inilah yang menjadi sesuai dengan jiwa mereka dan inilah yang menjadikan mereka hidup jahil dan lupa daratan.

Lebih lanjut sejarah menggambarkan bahawa keadaan masyarakat Islam di Spain yang telah berpengaruh dan terdidik secara Barat adalah budi pekerti mereka makin sehari makin menjadi rendah, sehingga segala kelakuan yang biadab dilakukan berterang-terang dengan tidak menaruh segan silu lagi. Anak-anak muda tergamak mengusik gadis-gadis biasanya ditegah orang ramai. Peminum-peminum arak memenuhi kedai-kedai yang teratur di segenap simpang,

bukan sahaja terdiri daripada kaum lelaki bahkan daripada kaum perempuan juga.

Suatu umat yang demikian keadaan masyarakatnya adalah menunjukkan lambat bangun akan hancur lebur, dan itulah yang telah terjadi.

Belum sempat satu keturunan kemudian daripada itu Tiba-tiba datanglah perlanggaran tentera King "Ferdinand" dan Queen "Isabella". Kedudukan Islam yang telah sedia dimakan bubuk dengan mudahnya telah dihancurkan oleh orang-orang Kristian. Mana-mana yang tidak sempat melarikan nyawa telah dibunuh dan dibuang ke laut! Demikianlah kerajaan Islam yang telah dibina oleh orang-orang yang berjiwa Islam telah hancur disebabkan kecuaiannya cucu cicit mereka yang telah tercelup dalam tersadur dengan didikan yang sesat barat itu.

Peristiwa yang demikian buruknya adalah menepati bagaimana yang telah dibincangkan oleh Tuhan Azza wajalla firman-Nya :

– *Wama kana robbuka liyahlika al-qura bizulmin wa ahliha muslihun.*

– (Tiadalah Tuhan Engkau (hai Muhammad) hendak membinasakan penduduk negeri dengan aniaya, sedang mereka itu berbuat kebaikan).

Apa yang telah berlaku disimpulkan seperti yang telah disebutkan itu adalah saling tak tumpah sedang berlaku di dalam kebanyakan negeri-negeri Islam termasuk tanah Melayu pada hari ini. Kalau di sana ada "Ibn Abbad" penganjur yang telah menjual nasib bangsanya kepada orang-orang yang bukan Islam, maka di Malaya nampaknya telah ada seorang "Ibn Abbad" kurun kedua puluh! Hanya sanya terpulung kepada orang Melayu yang cintakan agama, bangsa dan tanahairnya mencegah kejadian yang berbahaya itu jangan berlaku.

Dalamkanlah pengertian tentang tafsir ayat yang ke 113 "Surah Hud" yang telah dipaparkan di atas dan diturunkan sekali lagi dibawah ini :

– *Wala taraktu ila al-lazina zolamu fatamsakum an-nar wa malakum duniLlahi min auliya summa latansorun.*

SodaqalLah al-Azim

(sambungan muka 16)

bangunan yang indah-indah dari Sultan Deli dan Langkat yang telah mangkat semasa raja-raja masih mempunyai sisa kekuasaan, Masjid Raja Deli dan Raja Langkat, yang menyerupai bangunan-bangunan di India.

Meskipun tidak dianggari bagaimana masuknya pengaruh Barat di tanah air kita, namun tidak pula dapat dimungkiri bahawasanya masuknya ke Sumatera belumlah 350 tahun, sebab itu dasar-dasar keislaman masih sempat ditanamkan.

Oleh sebab itu, jika Nehru dihiburkan hatinya dengan dibawa ke Bali, sudah layaknya Ali Khan dibawa ke Sumatera.

Ada un bagaimana program dan protokolnya, siapa yang akan menamainya, samakah darjatnya dengan Nehru dalam protokol negara, bukanlah soal kita. Adakah presiden sendiri yang akan menamai atau pemimpin kita yang kedua, Bung Hati, tidaklah kita masuki.

Yang penting ialah Liaquat Ali Khan dibawa melawat ke Sumatera. Supaya ketika dia kembali, bukan "Kali Celeweng" yang akan menghambat perkiraannya tentang Indonesia. Meskipun hanya perjalanan sepintas lalu dapat hendaknya sekembali ke negaranya, dia berkata : "Memang Indonesia negeri Islam!"

Dua yang menghilangkan kemerdekaan : membuka rahsia dan menerima budi orang – Kata Hakim Islam

**

Orang yang suka menyampaikan perkataan-perkataan orang lain kepada kamu maka tentulah ia akan menyampaikan perkataan kamu kepada orang lain.

**

Umat dahulu mencari takdir, tetapi umat sekarang menunggu takdir – kata Muhammad Abduh

**

Jagalah percintaan bapamu janganlah engkau putuskan dia kerana Allah akan padamkan cahayamu. Maksud hadith Sahih riwayat Bukhari.